

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 17.11.2015 (SELASA)

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan setuju untuk meminda Perlembagaan Persekutuan berkaitan pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR) bagi memantapkan keberkesanan SPRM dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan pada dasarnya telah bersetuju dengan cadangan Pindaan Perlembagaan khususnya yang menyentuh pelantikan Ketua Pesuruhjaya dan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan

Rasuah (SPPR). Sebagaimana yang Yang Berhormat sedia maklum, pindaan ini memerlukan sokongan 2/3 Ahli-ahli Dewan Rakyat. Oleh itu proses 'engagement' bersama pihak-pihak yang berkaitan masih diteruskan dan sokongan dari semua Ahli Parlimen amatlah diharapkan.

Sekian, terima kasih.